

HEALTH CARE PENJAGAAN KESIHATAN

Did well to post a profit before tax of RM9.0 million, an increase of 21% over the previous year.


Prestasi membanggakan dengan pencapaian keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.0 juta, peningkatan sebanyak 21% berbanding tahun sebelumnya.



FERTILISER BAJA

Improved performance over 2002 with a profit before tax of RM10.6 million on a turnover of RM275 million.

Prestasi yang lebih baik berbanding tahun 2002 dengan keuntungan sebanyak RM10.6 juta ke atas perolehan sebanyak RM275 juta.



CHEMICALS KIMIA

Recorded a significant increase in its profit before tax to RM7.1 million on a 9% rise in turnover.

Mencatatkan kenaikan keuntungan yang ketara dalam keuntungan sebelum cukainya kepada RM7.1 juta dengan kenaikan sebanyak 9% dalam perolehan.



chairman's statement

PENYATA PENERUSI

Dear Shareholders,

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Chemical Company of Malaysia Berhad and its Group of Companies for the financial year ended 31 December 2003.

The year 2003 was a challenging one. Businesses, recovering from the financial crisis of the late-1990s, found themselves having to contend with the effects of the outbreak of Severe Acute Respiratory Syndrome in Asia and the onset of war in Iraq. Your company was likewise affected but I am pleased to report that we were able to overcome the difficulties to achieve a profit before tax of RM58.2 million on a turnover of RM576.7 million. Your directors are therefore recommending a final gross dividend of 5 sen and a special gross dividend of 5 sen per share which, together with the interim dividend of 10 sen per share, amounts to a total dividend distribution of 20 sen per share for the year under review.

Healthcare

During the year under review, while we continued to be a key player in the manufacturing and marketing of pharmaceuticals as well as in the retail-oriented pharmacy industry, we took the strategic decision to divest our hospital business that was operating under Columbia Pacific Healthcare Group.



Para Pemegang Saham yang di hormati,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan, Chemical Company of Malaysia Berhad serta Syarikat-syarikat dalam Kumpulannya, yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

Tahun 2003 merupakan tahun yang mencabar. Perniagaan-perniagaan yang kian pulih daripada krisis kewangan pada akhir tahun 90an, kini terpaksa pula bersaing dengan kesan wabak "Severe Acute Respiratory Syndrome" (SARS) di Asia dan percetusan peperangan di Iraq. Syarikat anda turut terjejas, namun saya dengan bangganya melaporkan bahawa kami telah berjaya mengharungi keadaan yang sukar ini dengan mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM58.2 juta ke atas perolehan sebanyak RM576.7 juta. Dengan ini, pihak Lembaga Pengarah anda mencadangkan dividen kasar akhir sebanyak 5 sen dan dividen kasar khas sebanyak 5 sen sesaham dengan dividen pertengahan tahun sebanyak 10 sen sesaham, membawakan jumlah pembahagian dividen dalam tahun semasa kepada 20 sen sesaham.

Penjagaan Kesihatan

Untuk tahun semasa, kami telah mengambil keputusan strategik dengan menjual perniagaan hospital yang beroperasi di bawah Kumpulan Columbia Pacific Healthcare, sementara meneruskan peranan sebagai pemangkin utama dalam pembuatan dan pemasaran barangan farmaseutikal serta industri farmasi yang berasaskan runcit.



Providing consumers with
a **choice** of products

to suit their needs. Membekalkan **pilihan** barangan
yang luas bagi memenuhi
kehendak pengguna.



In pharmaceuticals, our UPHA/CCM Pharma Group of Companies (UPHA) did well to post a profit before tax of RM9.0 million, an increase of 21% over the previous year. This was achieved despite the difficulties mentioned earlier as well as a temporary setback in the growth of the health supplement industry, which followed the product recall by PAN Pharmaceutical across the Asian region.


UPHA had an active year in 2003, launching eight new products through Innovax Sdn Bhd, an approved research and development (R & D) company established under the Promotion of Investment Act. The company commenced operations during the year, providing R&D and formulation services for the pharmaceutical industry. The key products launched during the year for the Over-the-Counter (OTC) Sector included Flavettes Lozenges, which helps to relieve sore throats; Sepsol 2 Handwash, a specially formulated antiseptic handwash; and a line extension for O-Fresh with the introduction of a mint-flavoured mouthwash. For the Ethical Sector, the key products launched included Cartril-S, containing Glucosamine Sulphate to treat osteoarthritis; Promedyl Plus, a codeine-free cough preparation; and a line extension for Vascor, a 40mg tablet with an agent that lowers lipid for the control of cholesterol.

We continued to be aggressive in pursuing our business growth objectives. UPHA was able to extend its export business in its established markets in Singapore, Hong Kong and Indonesia as well as make new in-roads into Cambodia and Brunei. Such a strategy resulted in an export revenue of RM5.3 million, contributing about 8% to the UPHA's total revenue in 2003. To support such growth, studies were undertaken in regard to UPHA's long-term manufacturing capabilities and a blueprint has been put in place for expansion plans. Construction of the first phase is expected to commence in 2004 and beneficial commercial production is targeted for 2006.

Dalam bidang farmaseutikal, prestasi Kumpulan syarikat-syarikat UPHA/CCM Pharma (UPHA) amat membanggakan dengan pencapaian keuntungan sebelum cukai sebanyak RM9.0 juta, dengan tambahan sebanyak 21% berbanding tahun sebelumnya. Pencapaian ini dicapai di sebalik menghadapi kesukaran yang disebutkan di atas serta gangguan sementara dalam pertumbuhan industri makanan kesihatan tambahan berikutan penarikan balik barangan PAN Pharmaceutical di seluruh rantau Asia.

Tahun 2003 merupakan tahun yang aktif bagi UPHA dengan pelancaran lapan produk baru melalui Innovax Sdn Bhd, sebuah syarikat penyelidikan dan pembangunan diiktiraf yang ditubuhkan di bawah Akta Promosi Pelaburan. Syarikat ini mula beroperasi dalam tahun semasa, dengan menyediakan penyelidikan dan pembangunan serta perkhidmatan formulasi bagi industri farmaseutikal. Produk-produk utama sektor jualan di atas kaunter yang dilancarkan sepanjang tahun semasa termasuk Flavettes Lozenges, bagi melegakan sakit kerongkong; Cucian tangan Sepsol 2, cucian tangan antiseptik dengan formulasi khas; serta lanjutan bagi O-Fresh dengan memperkenalkan bahan cucian mulut berperisa pudina. Bagi Sektor Etika pula, produk utama yang dilancarkan termasuk Cartril-S, yang mengandungi Glucosamine Sulphate untuk mengubati osteoarthritis; Promedyl Plus, ubat batuk bebas kodeina; serta lanjutan bagi Vascor, pil 40mg dengan agen yang mengurangkan lipid bagi pengawalan kolesterol.

Kami terus bersifat agresif dalam menetapkan objektif pertumbuhan perniagaan. UPHA berjaya meluaskan perniagaan eksport dalam pasarannya yang kukuh di Singapura, Hong Kong dan Indonesia di samping meneroka pasaran baru di Kemboja dan Brunei. Strategi seperti ini menghasilkan nilai eksport sebanyak RM5.3 juta, dengan sumbangan kira-kira 8% kepada jumlah hasil UPHA dalam tahun 2003. Kajian terhadap keupayaan pembuatan jangka panjang UPHA telah dijalankan dan rangka tindakan pelan perkembangan telah dibuat bagi menampung pertumbuhan sebegini. Pembinaan fasa pertama dijangka bermula pada tahun 2004 sementara pengeluaran komersial yang memanfaatkan disasarkan untuk bermula pada tahun 2006.





Moving forward

into new markets to achieve

our business objectives. **Mara** ke pasaran baru demi mencapai objektif perniagaan.



On the retail end, Prima Health Pharmacy (Prima) was no less aggressive in its expansion strategy, opening four new retail outlets during the year under review. The new outlets brought the total number of retail outlets to 22, comprising 14 in the Klang Valley and eight located throughout West Malaysia.

The product recall by the Australian-based PAN Pharmaceutical, together with the SARS outbreak and Iraq War, had the effect of reducing retailing activities and consumer spending during the year. Nonetheless, Prima succeeded in registering sales revenue of RM20.0 million, a modest growth of 8% over the previous year. The Government's policy requiring all newly graduating pharmacists to undergo a three-year mandatory service with the Government will come into effect on 1 January 2004. This policy will further aggravate the shortage of pharmacists faced by the industry in general.

Fertilisers

The year 2003 was one of cautious optimism in the agricultural sector. There was improved sentiment based on the stable prices of agricultural commodities, especially crude palm oil (CPO). As oil palm is the dominant crop in the agricultural sector and the oil palm industry is a major user of fertilisers, stable CPO prices for the year was expected to have a positive impact on the fertiliser industry. The prices did remain stable throughout much of the year and even increased in the second half, which meant improved demand for fertilisers. However, the benefits gained from these prices were dampened by sharp increases in raw material prices and supply shortages. In addition, energy costs increased during the year and freight rates were reportedly at a 30-year high. Most of the raw materials used by the fertiliser industry are imported, and as such, these developments had an adverse impact on the industry.

Dalam bahagian runcit pula, Prima Health Pharmacy (Prima) tidak kurang agresif dalam strateginya, dengan pembukaan sebanyak empat cawangan baru dalam tahun semasa. Cawangan-cawangan baru telah menambahkan jumlah keseluruhan kepada 22 buah cawangan, di mana 14 terletak di Lembah Kelang dan lapan lagi di serata Semenanjung Malaysia.

Penarikan balik produk PAN Pharmaceutical dari Australia dengan wabak SARS serta pencetusan perang di Iraq, telah mengurangkan aktiviti-aktiviti runcit dan perbelanjaan pengguna di sepanjang tahun semasa. Namun, Prima berjaya mencatatkan hasil jualan sebanyak RM20.0 juta dengan peningkatan sebanyak 8% daripada tahun sebelumnya. Polisi Kerajaan yang mengkehendaki graduan farmasi baru menjalankan latihan mandatori selama tiga tahun dengan Kerajaan akan bermula pada 1 Januari 2004. Polisi ini akan menambahkan lagi kekurangan ahli-ahli farmasi yang dihadapi oleh industri pada amnya.

Baja

Tahun 2003 merupakan tahun yang penuh waspada serta optimis bagi sector pertanian. Penstabilan harga komoditi pertanian, terutamanya harga minyak sawit mentah pada tahun semasa dijangka memberi sentimen positif terhadap industri baja, memandangkan industri kelapa sawit adalah pengguna utama baja dan juga sebagai tanaman utama sektor pertanian. Harga yang kekal stabil di awal tahun, malahan telah meningkat pada setengah tahun kedua, menambahkan permintaan terhadap baja. Walau bagaimanapun, manfaat yang diterima daripada kenaikan harga jualan ini telah dilunturkan oleh kenaikan harga bahan mentah yang mendadak serta kekurangan bekalan. Tambahan pula, kos tenaga telah meningkat dalam tahun semasa dan kadar pengangkutan pula dilaporkan berada pada tahap yang tertinggi dalam masa 30 tahun. Kebanyakan bahan mentah yang digunakan dalam industri baja adalah diimport, dengan itu, perkembangan sebegini mempunyai kesan yang buruk terhadap industri baja.

Structuring our business
to provide greater focus
and flexibility. **Membina** perniagaan
ke arah memberi
tumpuan dan fleksibiliti
yang lebih tinggi.

